



28 Disember 2017  
28 December 2017  
P.U. (A) 428

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PASPORT (PENGECUALIAN VISA KEPADA PELANCONG WARGANEGARA REPUBLIK RAKYAT CHINA) 2017

### *PASSPORTS (EXEMPTION OF VISA TO TOURIST WHO IS CITIZEN OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (PENGECEUALIAN VISA KEPADA PELANCONG  
WARGANEGARA REPUBLIK RAKYAT CHINA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4  
Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Pengecualian Visa kepada Pelancong Warganegara Republik Rakyat China) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 1 Januari 2018  
hingga 31 Disember 2018.

**Pengecualian**

2. Menteri mengecualikan pelancong yang merupakan warganegara Republik  
Rakyat China daripada kehendak visa di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada  
syarat yang berikut:

(a) pelancong itu hendaklah berdaftar dalam sistem pendaftaran dan  
maklumat perjalanan elektronik yang disediakan oleh Ketua Pengarah  
dan pendaftaran itu boleh dibuat—

(i) oleh pelancong itu sendiri; atau

(ii) bagi pihak pelancong itu, oleh agensi pelancongan di Republik  
Rakyat China yang berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Malaysia  
di Republik Rakyat China;

(b) pelancong itu hendaklah melakukan perjalanan ke Malaysia dalam  
tempoh tiga bulan selepas dia berdaftar dalam sistem pendaftaran dan  
maklumat perjalanan elektronik;

- (c) tempoh lawatan pelancong itu terhad kepada lima belas hari sahaja dan tidak boleh dilanjutkan;
- (d) pelancong itu hendaklah memasuki dan keluar dari Malaysia hanya melalui lapangan terbang yang dibenarkan atau pos kawalan imigresen seperti yang berikut:
  - (i) melalui udara—
    - (A) U12A Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Sepang;
    - (B) U05 Lapangan Terbang Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
    - (C) U15 Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor;
    - (D) U17 Lapangan Terbang Kuching, Bahagian Pertama, Sarawak;
    - (E) U29 Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah;
    - (F) U02 Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi, Kedah;
    - (G) U14 Lapangan Terbang Melaka, Batu Berendam, Melaka;
    - (H) U16 Lapangan Terbang Labuan, Wilayah Persekutuan; atau
    - (I) U23 Lapangan Terbang Miri, Bahagian Keempat, Sarawak; atau

(ii) melalui darat—

(A) D11 Bangunan Sultan Iskandar, Johor;

(B) D12A Pos Kawalan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar,  
Tanjung Kupang, Johor;

(C) D01 Padang Besar, Perlis;

(D) D06 Bukit Kayu Itam, Changloon, Kedah;

(E) D20 Sungai Tujoh, Miri, Sarawak; atau

(F) D22A Pos Kawalan Imigresen Tedungan, Daerah Batu Danau  
Limbang, Bahagian Kelima, Sarawak;

(e) pelancong itu tidak dibenarkan untuk memohon apa-apa pas lain  
di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*L.N. 228/1963*];

(f) pelancong itu hendaklah menaiki penerbangan terus dari Republik  
Rakyat China ke Malaysia atau memasuki Malaysia melalui Singapura,  
Thailand atau Brunei, dan mempunyai tiket penerbangan balik terus  
ke Republik Rakyat China, atau melalui Singapura, Thailand atau Brunei  
jika pelancong itu melakukan perjalanan melalui udara;

(g) pelancong itu hendaklah, semasa ketibaan, mengemukakan bukti bahawa  
dia mempunyai wang poket yang mencukupi, kad kredit atau kad bank  
dengan logo *UnionPay* dan mengemukakan jadual perjalanannya  
di Malaysia; dan